



“HUKUM SYARA’ MENJAGA MASLAHAT MANUSIA”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ! اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ الْمُتَّقُونَ . قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ .</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk “HUKUM SYARA’ MENJAGA MASLAHAT MANUSIA”.</p> <p>Hadirin yang dimuliakan Allah SWT,</p>	6
<p>Hari ini adalah Jumaat ke-13 sejak Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan pada 18 Mac yang lalu. Ujian Allah menerusi wabak pandemik COVID-19 masih berterusan dan belum pasti bila akan berakhir. Namun sebagai hamba Allah, kita diperintahkan supaya tetap meneruskan ibadah dan melaksanakan segala hukum yang ditetapkan oleh Syara’.</p>	7

¹ Al-Baqarah : 185.



<p>Hukum-hakam syara' bagi kategori taklifi ada lima, iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Hukum wajib seperti solat fardhu lima waktu sehari semalam kekal wajib sama ada ketika wabak atau tidak. Puasa sunat enam hari dalam bulan Syawwal ini juga kekal hukumnya sebagai sunat sama ada ketika wabak atau sebaliknya. Namun ada ketikanya syara' membenarkan kita mengambil rukhsah (keringanan) dalam situasi tertentu, demi menjaga kemaslahatan yang lebih utama.</p> <p>Hadirin Jumaat sekalian</p>	8
<p>Islam mengajar umatnya agar memelihara nyawa dan menjaga diri daripada sebarang penyakit yang memudharatkan. Hingga satu peringkat diharuskan seorang muslim untuk melafazkan kalimah kufur tapi hatinya tetap dengan keimanan bagi menyelamatkan dirinya daripada dibunuh. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 106:</p> <p>مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ</p>	9
<p><i>"Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah dia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman".</i></p>	10
<p>Bagi orang yang sakit dan musafir pula diharuskan berbuka puasa pada bulan Ramadhan sekiranya membawa mudharat kepada dirinya. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 184:</p> <p>فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ</p>	11



<p><i>"Maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah dia berbuka), kemudian wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain".</i></p>	12
<p>Ini menunjukkan keharusan meninggalkan sesuatu yang wajib bagi memelihara nyawa dan mengelak kemudharatan.</p> <p>Para tetamu Allah sekalian,</p>	13
<p>Syariat Islam itu bersifat dinamik dan sesuai pada semua tempat, masa dan situasi. Pada masa yang sama, maslahat (kebaikan) manusia sangat dijaga dan dititik beratkan oleh Islam. Ajaran Islam bukan bertujuan untuk menyusahkan dan memudharatkan manusia.</p>	14
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 78:</p> <p style="text-align: center;">وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ</p> <p><i>"Dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama".</i></p>	15
<p>Dalam situasi ujian pandemik COVID-19 ini, beberapa pertimbangan perlu diambil kira dalam menetapkan sesuatu hukum. Antaranya ialah kaedah الضَّرَرُ يُزَالُ iaitu sesuatu mudharat itu perlu dihilangkan, الضَّرُورَاتُ تُبَيِّحُ الْمَحْظُورَاتِ iaitu sesuatu keterpaksaan boleh mengharuskan perkara yang dilarang, dan juga المَشَقَّةُ تَجْلِبُ iaitu sesuatu kesukaran boleh mengundang keringanan.</p>	16



<p>Para ulama' telah menetapkan bahawa ketakutan dan sakit adalah keuzuran yang mengharuskan untuk meninggalkan kewajipan solat Jumaat dan berjemaah di masjid. Diriwayatkan daripada Ibn Abbas Radhiallahu Anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ عُذْرٌ ، قَالُوا : وَمَا الْعُذْرُ ؟</p> <p style="text-align: center;">قَالَ : خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ ، لَمْ تُقْبَلْ مِنْهُ الصَّلَاةُ الَّتِي صَلَّى</p>	17
<p><i>"Sesiapa yang mendengar seruan (azan Jumaat) sedangkan tiada sebarang keuzuran yang menghalangnya daripada mengikutinya (datang ke tempat solat Jumaat), mereka bertanya: apakah keuzuran itu? Nabi SAW menjawab: takut atau sakit, maka tidak akan diterima daripadanya solat yang dia lakukan."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Abu Daud).</i></p>	18
<p>Oleh itu, takut dan bimbang merebaknya wabak COVID-19 melalui perhimpunan ramai adalah keuzuran yang diterima oleh Syara' untuk tidak menunaikan solat Jumaat mahupun berjemaah di masjid.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	19
<p>Berdasarkan perkembangan semasa pandemik COVID-19 yang sedang dipantau secara berterusan oleh pakar-pakar kesihatan kerana masih belum ada penawarnya, sudah pasti pihak ulil amri ingin memastikan umat Islam dan institusi agama tidak terdedah kepada risiko kemudharatan yang lebih besar. Kaedah fiqh ada menyatakan:</p> <p style="text-align: center;">دَرْءُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ</p> <p><i>"Menolak kerosakan lebih diutamakan daripada mengambil kebaikan".</i></p>	20



<p>Siyasah syar'iah yang melibatkan polisi, peraturan dan undang-undang syara' pula telah menetapkan bahawa keputusan pemerintah asasnya adalah maslahat (kebaikan) kepada rakyat dan orang ramai.</p> <p style="text-align: center;">تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالمَصْلَحَةِ</p> <p><i>"Keputusan dan tindakan pemerintah ke atas rakyat adalah berdasarkan kepada maslahat".</i></p>	21
<p>Oleh itu, orang ramai hendaklah yakin dan akur kepada keputusan yang telah ditetapkan oleh Ulil Amri. Mentaatinya membawa kepada kebaikan dan mengingkarinya mengundang kemudharatan.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p>	22
<p>Mengakhiri khutbah kali ini, khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian agar mengambil pedoman-pedoman berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib taat kepada segala perintah Allah dan larangannya sebagai bukti keimanan.2. Umat Islam mestilah patuh kepada keputusan ulil amri dalam perkara selain maksiat.3. Umat Islam hendaklah terus bermunajat dan berdoa kepada Allah agar ujian wabak COVID-19 segera diangkat.	23



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَإِنْ يَمْسَسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يَمْسَسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝١٧</p>	24
<p><i>"Dan jika Allah menimpakan (mengenakan) engkau dengan bahaya bencana, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri, dan jika Dia mengenakan (menimpakan) engkau dengan kebaikan, maka Dia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu".</i></p> <p>(al-An'aam : 17).</p>	25
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	26
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	27



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
5	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
6	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
7	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالنُّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج
8	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
9	Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.



<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	10
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	11
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	12
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلْيَذْكُرُوا اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	13